

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 JANUARI 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI sasar komersial 360 produk	Berita Harian
2.	MOSTI sasar komersialkan 360 produk menjelang 2020	BERNAMA
3.	Ministry aims for 360 commercial products by 2020	The Star
4.	Kesan El Nino kepada iklim dunia	KOSMO
5.	Keluar amaran kategori ketiga	Harian Metro
6.	Waves crash into homes	The Star
7.	High tides and floods force 39 residents to evacuate	The Star
8.	Tiga saintis negara diiktiraf dunia	Utusan Malaysia

MOSTI sasar komersial 360 produk

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan untuk mengkomersialkan 360 produk menjelang 2020.

Menterinya, **Datuk Seri Panglima Madius Tangau**, berkata 2016 akan menjadi tahun pengkomersialan untuk negara.

"Pada 2015, pengkomersialan produk sudah melebihi sasaran 60 produk yang ditetapkan setiap tahun, dengan 67 produk berjaya dikomersialkan," katanya kepada pemberita pada Persidangan Tinjauan Strategik Malaysia 2016 kali ke-18, di Petaling Jaya, semalam.

Madius Tangau menyampaikan ucapan pada majlis anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) itu.

Wujud kerjasama harmoni

Mengenai persiapan Kementerian untuk penyertaan dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), beliau berkata, Jabatan Standard adalah bidang yang paling relevan dengan TPPA, kerana ia memastikan produk diperakui mengikut tahap jangkaan.

"12 negara anggota terbabit (dalam TPPA) perlu bekerja bersama-sama supaya wujud kerjasama yang harmoni," katanya.

Mengenai geran penyelidikan tambahan, Madius Tangau berkata syarikat atau individu mungkin perlu mempunyai rakan kongsi komersial bagi memperoleh peluang lebih baik untuk mendapat geran berkenaan.

BERNAMA



MOSTI Sasar Komersialkan 360 Produk Menjelang 2020

PETALING JAYA, 26 Jan (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menyasarkan untuk mengkomersialkan 360 produk menjelang 2020.

Menterinya Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata 2016 akan menjadi tahun pengkomersilan untuk negara.

"Pada 2015, pengkomersialan produk telah melebihi sasaran 60 produk yang ditetapkan setiap tahun, dengan 67 produk berjaya dikomersialkan," katanya kepada pemberita pada Persidangan Tinjauan Strategik Malaysia 2016 kali ke-18, di sini Selasa.

Madius Tangau menyampaikan ucapan pada majlis anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) itu.

Mengenai persiapan Kementerian untuk penyertaan dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Madius Tangau berkata Jabatan Standard merupakan bidang yang paling relevan dengan TPPA, kerana ia memastikan produk diperakui mengikut tahap jangkaan.

Beliau berkata 12 negara anggota terbabit perlu bekerja bersama-sama supaya wujud kerjasama yang harmoni.

Mengenai geran penyelidikan tambahan, beliau berkata syarikat atau individu mungkin perlu mempunyai rakan kongsi komersial bagi memperoleh peluang yang lebih baik untuk mendapat geran berkenaan.

Acara sehari yang bertemakan 'Menghadapi Ketidakpastian - Melangkah ke Hadapan Semasa Sukar', turut melibatkan perbincangan meja bulat dalam pelbagai topik, termasuk usaha membangunkan negara ketika persekitaran luaran lemah.



Madius: '2016 will be what we call Malaysia Commercialisation Year.'

Ministry aims for 360 commercial products by 2020

PETALING JAYA: The Science, Technology and Innovation Ministry is planning to produce 360 new products to be commercialised by the year 2020.

Its minister Datuk Seri Panglima Madius Tangau told reporters at the 18th Malaysia Strategic Outlook Conference 2016 that in 2015, 67 new products were produced, exceeding the 60 products per annum target that was set.

"2016 will be what we call Malaysia Commercialisation Year," he said.

Speaking on the budget allocation, Madius said the ministry would not make much of a change to it.

"Funds towards research and development will not be cut. Innovation will be key to how we will meet our target of 60 products this

year," he said.

On the ministry's preparation for the slated participation in the TPPA, he said the most relevant area of involvement would be the standards department as it would ensure that products were certified and met expectations.

"There is a need for the 13 countries to collaborate so as to harmonise our efforts," he said.

The Government's approval of research grants may require companies or individuals to have commercialising partners to better their chance of obtaining approvals, Madius added.

Meanwhile, the ringgit is expected to fall further before stabilising and strengthening at the RM4 to RM4.20 mark to the US dollar,

Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) chief executive officer and director Tan Sri Michael Yeoh said.

He said the ringgit might drop to RM4.50 before the year's end.

Oil price, on the other hand, was expected to hover at the US\$50 range at the end of 2015, however it fell to about US\$25.

"Hopefully, by the end of 2016 it would rise to the US\$50 level," Yeoh said.

"Rather than being overly concerned about oil prices, there should be more focus on other natural resources and construction activities as these would boost the use of our natural resources.

"As such, there is an anticipated gross domestic product growth of 4.5%-5% this year," he said.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 36
TARIKH : 27 JANUARI 2016 (RABU)

INFINITI
 INOVASI • SAINS • GAJET



CUACA akan menjadi semakin panas apabila berlakunya fenomena El Nino.



FENOMENA El Nino juga akan menyebabkan peningkatan suhu permukaan air laut.



KESAN El Nino akan dirasai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

Kesan El Nino kepada iklim dunia

PENURUNAN taburan hujan di Malaysia dijangka berkurang antara 20 hingga 60 peratus mulai bulan hadapan berikutan fenomena El Nino yang kini mulai melanda negara.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, fenomena El Nino semasa dikategorikan sebagai kuat dan suhu negara dijangka meningkat antara 0.5 hingga dua darjah Celsius (°C).

Menurutnya, fenomena itu akan berterusan sehingga April, malah negeri di bahagian utara Semenanjung sudah mula merasai kesannya.

"Kesan El Nino turut dirasai oleh penduduk di semua negeri Semenanjung, Sabah dan beberapa bahagian di Miri serta Limbang di Sarawak pada penghujung bulan ini.

"Berdasarkan rekod, suhu maksimum negara apabila dilanda El Nino pada 1998 mencapai sehingga 40.1 darjah Celsius," jelasnya kepada Bernama.

Tambahnya, dia tidak menolak kemungkinan situasi yang sama akan berulang pada tahun ini.

"El Nino dijangka mencapai kemuncaknya pada bulan ini dan secara beransur-ansur kurang pada Februari. Keadaan dijangka menjadi neutral selepas Jun tahun ini," jelasnya.


Fenomena El Nino di Malaysia dicatatkan berlaku sebanyak 12 kali sejak 1951-1952 dan terakhir pada 1997-1998.

Suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping pada 9 April 1998.

Fenomena El Nino juga memberi kesan terhadap kesihatan manusia apabila cuaca panas berterusan seperti batuk, selesema, demam dan penyakit berkaitan cuaca panas.

El Nino adalah keadaan pemanasan suhu permukaan laut berlaku selama enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.

Cara El Nino Berlaku



Ia boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim di seluruh dunia, antaranya hujan lebat di beberapa kawasan dan kemarau yang berpanjangan.

Hidupan marin

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengeluarkan satu kenyataan pada Disember tahun lalu memberi peringatan bahawa fenomena El Nino melanda seluruh dunia. Kesan akan mula dirasai dengan keadaan sederhana di bahagian Pasifik sebelum ia bertambah buruk dan melanda sebahagian besar negara di Asia hingga Pasifik.

Fenomena El Nino dijangka memberi kesan yang kuat di bahagian tengah dan selatan India, tengah dan timur laut Thailand, tengah dan selatan Filipina, utara Kemboja, timur Indonesia, Papua New Guinea dan kebanyakan negara-negara Kepulauan Pasifik.

Dalam pada itu, fenomena El Nino yang sedang melanda negara pada masa ini dijangka memberi impak terhadap kehidupan marin dan pembiakan terumbu karang di perairan.

Fenomena yang dijangka akan

mencecah 30 darjah Celsius dan ia sedikit sebanyak turut menjejaskan ekosistem marin di lautan.

"Terumbu karang ialah indikator kepada persekitaran sihat untuk ekosistem marin di lautan dan usaha memuliharaanya perlu terus diperkasakan sebagai fenomena El Nino berakhir," katanya.

Beliau berkata, hasil kajian yang dijalankan beberapa pihak sebelum ini turut mendapati fenomena itu mempengaruhi jumlah tangkapan ikan di perairan negeri itu.

"Memang terdapat pengurangan daripada segi jumlah pendaratan ikan sepanjang fenomena ini berlaku. Perkara ini secara tidak langsung akan menjejaskan pendapatan nelayan," jelasnya kepada Bernama.

Sementara itu, berbeza pula di bahagian utara Semenanjung apabila cuaca panas dan terik ekoran fenomena El Nino yang sedang melanda negara ketika ini amat baik bagi proses pertumbuhan dan penghasilan mangga harum manis yang berkualiti.

Pengarah Institut Agroteknologi Lestari Universiti

Malaysia Perlis (Unimap), Prof. Mahmad Nor Jaafar berkata, cuaca panas dan kering akan melebatkan pertumbuhan putik bunga seterusnya berupaya meningkatkan pengeluaran buah harum manis yang lebih banyak.

"Apabila cuaca terik dan kemarau, pokok akan mengeluarkan bunga yang lebat akibat mengalami proses tekanan dan menganggap dirinya hampir mati, lalu menghasilkan putik bunga yang lebat.

"Lebih banyak putik bunga yang terhasil, maka ia lebih baik untuk potensi pengeluaran buah kerana hanya 10 peratus bunga yang akan menjadi buah," katanya.



CUACA panas dan kering berupaya meningkatkan penghasilan mangga harum manis di Perlis.

berterusan sehingga penghujung Mac ini boleh menyebabkan kehidupan marin dan terumbu karang mati akibat pemanasan permukaan suhu air laut.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Hasrizal Shaari berkata, pihaknya akan membuat pemantauan mengenai perkara itu sebagai sahaja musim tengkujuh berakhir kerana keadaan laut yang masih bergelora ketika ini.

"Fenomena El Nino juga menyebabkan berlakunya peningkatan suhu permukaan air laut yang ketara sehingga



CHE GAYAH

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 27 JANUARI 2016 (RABU)

Keluar amaran kategori ketiga

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) semalam mengeluarkan amaran kategori ketiga bagi seksyen perairan negeri di pantai timur berikutan jangkaan angin kencang dan laut bergelora dengan ketinggian ombak melebihi 4.5 meter, hari ini.

Dalam amaran menerusi laman web, Facebook dan Twitter itu, angin kencang timur laut dengan kelajuan 60 kilometer sejam (KM/j) dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur.

Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak.

Turut diingatkan kawasan berkenaan terdedah kepada kenaikan paras air laut.

Bagi seksyen perkapalan, MetMalaysia juga meningkatkan amaran kategori ketiga di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Condore, Reef North dan Layang-Layang.

Mengikut kenyataan itu, amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua dikeluarkan bagi kawasan perairan Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) sejak Sabtu.

Susulan itu, angin kencang timur laut dengan kelajuan 50 hingga 60 KM/j dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berterusan sehingga hari ini.

Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Dalam perkembangan berasingan, satu gempa bumi bermagnitud 6.2 berlaku di New Ireland, Papua New Guinea, kira-kira jam 11.10 pagi semalam.

Menurut kenyataan dikeluarkan Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional, MetMalaysia, gempa kuat itu berlaku di koordinat 5.3 selatan dan 153.1 timur iaitu 3,991 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Begitupun, tiada ancaman tsunami dikeluarkan susulan kejadian.

Waves crash into homes

The sea reclaims:
Villagers looking at a house that is left clinging to the edge after 5m waves rose past the barriers and washed the soil away in Kampung Tanjung Gelam. Three more homes nearby were also damaged.



37 evacuate as rough seas cause erosion in Terengganu

By SHARANPAL SINGH
RANDHAWA
sharanpal@thestar.com.my

KUALA NERUS: Huge waves caused severe erosion along the coastal stretch in Mengabang Telipot here – damaging several houses and forcing nine families to be evacuated.

The affected villagers, comprising 37 people from nine families, were from Kampung Tanjung Gelam and Kampung Tengah. They are staying with their relatives.

Terengganu Civil Defence Department deputy director (operations) Mejar Amirsarifudin Zalman said the residents of the coastal villages had been advised to stay alert.

“According to the **Meteorological Department**, coastal villagers can expect strong waves as high as 5m and winds up to 60kph,” he said yesterday.

Apart from the victims, other residents along the coastal areas are also living in fear as the waves had broken through the barriers.

Many families are undecided on whether to move out as they are concerned about their belongings.

Fisherman Abdullah Mat Isa, 52, from Kampung Tanjung Gelam whose house was partially destroyed, said the strong waves he saw yesterday were the worst in the 19 years he'd lived there.

“I was watching TV in the hall at about 5pm when I saw the waves getting stronger. At about 9.30pm, they were smashing against the kitchen wall. All of a sudden, the

kitchen wall collapsed,” he added.

Abdullah said his wife, Hani Awi, 45, and 18-year-old daughter ran out of the house, fearing that the house would collapse.

“We gathered all important documents and moved to a relative's house,” he added.

Keropok seller Kamariah @ Iman Abu Bakar saw her processing barn destroyed by the strong waves.

The erosion caused by the waves also saw coconut trees along the beach uprooted.

High tides and floods force 39 residents to evacuate

KOTA BARU: Thirty-nine residents at Kampung Pantai Kundor here were evacuated to a relief centre due to floods caused by high tides.

Civil defence officer Mohd Safiyan Ibrahim said the villagers were relocated to the centre at SK Pulau Kundor after the floods rose up to about 2m at 11.45pm on Monday.

He said eight civil defence personnel and 11 firemen monitored the situation from a command centre, adding that the high tides were due to *El Nino* as cautioned by the

Meteorological Department.

He said vehicles were also on standby in the area in case students needed to be evacuated.

Pengkalan Chepa Umno division chief Datuk Zaluhi Sulaiman visited the command and relief centres to assist the victims.

Villager Mohd Azmi Ramli, 34, said he was instructed to move out from his home when the flood waters started to rise on Monday night.

He said his family members were taken to the centre on a fire engine.



Sand invasion: Rohani Hasan, 51, and her children recovering their things after waves carry sand into their home along Pantai Kundor. - Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 27 JANUARI 2016 (RABU)



WAN RAMLI WAN DAUD (kiri), Riza Atiq Abdullah O.K Rahmat (tengah) dan Siti Kartom Kamaruddin menunjukkan buku rekod pencapaian anugerah *The World's Most Influential Scientific Minds 2016* di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Tiga saintis negara diiktiraf dunia

KUALA LUMPUR 26 Jan. - Tiga saintis negara disenaraikan sebagai 72 saintis Minda Sains Paling Berpengaruh Dunia 2015 oleh Agensi Perkhidmatan Penarafan Indeks Saintifik Dunia, Thomson Reuters yang beribu pejabat di New York, Amerika Syarikat (AS), baru-baru ini.

Ketiga-tiga mereka, Profesor di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Ir. Wan Ramli Wan Daud; Timbalan Pengarah Institut Sel Fuel, UKM; Prof. Dr. Siti Kartom Kamaruddin dan Prof. Dr. B.H Hameed dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Kejayaan mereka sangat membanggakan kerana Malaysia satu-satunya negara di Asia Tenggara selain Singapura yang berjaya tersenarai malah berjaya mengatasi Israel yang hanya mempunyai seorang sahaja saintis tersenarai.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Hubungan Antarabangsa), UKM, **Prof. Datuk Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K Rahmat** berkata, ketiga-tiga mereka mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh sebuah badan bebas terkenal dunia, yang memantau penerbitan makalah-makalah bersifat sains oleh ahli-ahli sains dari seluruh dunia.

"Kira-kira 3,000 penyelidik atau ahli sains dari seluruh dunia dipilih sebagai calon dan saintis yang paling banyak makalah atau jurnal diterbitkan sejak tahun 2003 sehingga 2015 akan terpilih dalam senarai sebagai saintis yang berpengaruh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengumumkan dua ahli akademik UKM yang menerima pengiktirafan Minda Sains Paling Berpengaruh Dunia 2015 di Bangi dekat sini hari ini.

Riza Atiq berkata, apa yang lebih membanggakan UKM, segala hasil penyelidikan yang dihasilkan oleh ahli-ahli sains berkenaan diterbitkan dalam bahasa Melayu dan telah mendapat pengiktirafan oleh semua pihak.

"Ini membuktikan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan laras bahasa utama dalam pengajian tinggi terutama dalam bidang kejuruteraan boleh diterima di peringkat antarabangsa sebagai bahasa akademik," katanya.

Sementara itu, **Wan Ramli** menyifatkan kejayaan tersenarai dalam indeks tersebut sebagai satu pengiktirafan kepada kejayaan anak Melayu yang jarang sekali disebut oleh dunia.

"Kita mampu berada dalam senarai prestij ini walaupun mendapat saingan kuat dari negara-negara besar yang lain terutama China, Denmark, United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Arab Saudi, Australia, Itali dan Sepanyol yang begitu ramai ahli sains mereka yang tersenarai dalam indeks ini.

"Kejayaan negara berkenaan tidak dapat dinafikan kerana mereka mempunyai dana yang besar untuk melakukan sebarang penyelidikan yang bersifat futuristik," katanya yang berkhidmat di UKM sejak 1996.

Beliau merupakan pakar dunia dalam teknologi penukaran tenaga pancaran sifar, sel fuel yang menggunakan hidrogen, alkohol dan air sisa buangan itu telah menerbitkan sebanyak 865 makalah, iaitu 299 makalah jurnal antarabangsa, 341 makalah persidangan antarabangsa dan 225 makalah persidangan kebangsaan.

Anak kelahiran Bukit Mertajam, Pulau Pinang itu telah disebut sebanyak 4,895 kali dalam Google Scholar yang menjadi sumber rujukan utama dunia.

Sementara itu, **Siti Kartom** berkata, kejayaan beliau tersenarai dalam indeks tersebut adalah satu pengiktirafan terhadap ahli sains wanita Malaysia dan berharap lebih ramai saintis wanita tempatan akan diiktiraf.

"Dalam masa yang sama, tanggungjawab sebagai suri rumah tidak pernah diabaikan dan saya sendiri tidak pernah membawa pulang kerja-kerja pejabat ke rumah," katanya.

Beliau yang berkhidmat hampir 15 tahun di UKM telah menyelia sebanyak 25 siswazah Ijazah Doktor Falsafah dan Persuratan dan 40 siswazah Ijazah Sarjana.